

01 JAN 1998  
MAKLUMAT (SOROTAN)  
1997 TAHUN PERTUMBUHAN IT

Oleh: Noryani Ismail

KUALA LUMPUR: Tahun 1997 merupakan tahun pertumbuhan pesat bagi sektor teknologi maklumat (IT) terutama menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berkembang maju walaupun negara mula dilanda masalah ekonomi pada pertengahan tahun itu.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) baru-baru ini mengumumkan sebanyak 93 syarikat diberi status MSC dengan pelaburan berjumlah lebih RM95 bilion (US\$25 billion) untuk negara.

Angka ini melonjak hampir 100 peratus daripada jumlah syarikat MSC yang diumumkan pertengahan tahun ini semasa ekonomi negara mula menghadapi tekanan.

Sebanyak 173 permohonan untuk status MSC masih diproses sementara permohonan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa terus datang mencurah-curah bagi menempah tempat di dalam korridor raya seluas 750 kilometer persegi di selatan ibu negara itu.

Menurut MDC, 12 hingga 20 daripada syarikat berstatus MSC itu akan memulakan operasi mereka di Cyberjaya Februari tahun depan, setahun lebih awal dari yang dijadualkan.

Sambutan yang begitu menggalakkan daripada pelabur untuk projek MSC nampaknya adalah hasil promosi dan "road show" yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tanpa mengenal penat lelah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) telah ke Amerika Syarikat dan Jepun dalam bulan Januari bertemu dengan tokoh terkemuka dalam teknologi maklumat, multimedia dan hiburan membincangkan peluang pelaburan di dalam MSC.

Di California, beliau mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa mengenai projek MSC -- julung-julung kalinya 25 pemimpin syarikat industri IT duduk semeja dengan 'musuh-musuh' mereka membincangkan hal-hal pelaburan.

Antara yang hadir pada mesyuarat itu ialah penasihat teknologi terkemuka Kenichi Ohmae, Ambassador Diana Lady Dougan daripada AS, Larry Ellison daripada Oracle, James Barksdale daripada Netscape dan Scott McNealy daripada Sun Microsystems.

Bill Gates, presiden syarikat gergasi IT Microsoft sayangnya tidak dapat menghadiri diri.

Perdana Menteri juga menjadikan promosi MSC sebagai agenda utamanya dalam lawatannya ke luar negara, termasuk dalam 'percutian'nya selama dua bulan di Eropah, Asia Barat dan Amerika Selatan yang bermula pada bulan Mei.

Perkembangan teknologi maklumat di negara ini menunjukkan inisiatif kerajaan memindahkan ekonomi negara daripada yang berteraskan pembuatan kepada teknologi maklumat seperti yang tercatat di dalam Agenda Teknologi Maklumat Negara.

Agenda Teknologi Maklumat Negara juga meraikan tahun pertamanya setelah diumumkan pada Disember 1996.

NITC juga mendapati biarpun masih terdapat pihak yang belum dapat menggarap wawasan proaktif negara di dalam agenda itu, para pemimpin dan juga penggerak industri dapat memahami apa yang cuba diterapkan.

Putrajaya, pusat pentadbiran pintar di mana pejabat Perdana menteri dijadual dipindahkan pada pertengahan 1998 juga telah dilancarkan tahun ini.

Penyediaan rang undang-undang MSC yang telah berjalan lancar dengan

lulusnya empat undang-undang siber awal tahun ini menunjukkan komitmen negara dalam merealisasikan MSC sebagai pusat pembangunan IT serantau.

Undang-undang itu adalah Akta Jenayah Komputer, Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997, Akta Tandatangan Digital dan Akta Teleperubatan.

Undang-undang siber kelima, Rang undang-undang Penyatuan Multimedia, bagi fungsi penyiaran dan telekomunikasi industri teknologi maklumat pula tidak dapat dibentangkan pada sesi terakhir Parlimen seperti yang dijadualkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie telah memberitahu Dewan Rakyat rang undang-undang itu hanya akan dibentang tahun depan bagi memberi lebih masa anggota parlimen mengkaji dan mendebatkannya.

Dari segi kesedaran teknologi maklumat, Kementerian Penerangan telah memainkan peranan penting menjalankan Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat seluruh negara dengan objektif menanam minat dan pemahaman mengenai teknologi maklumat di dalam masyarakat.

Kempen itu, yang juga dilancarkan Dr Mahathir berharap dapat menghapuskan fobia teknologi maklumat di semua lapisan masyarakat.

Pelbagai persidangan dan pameran berbentuk IT yang bertumbuh pesat tahun 1997 didapati menarik pelbagai lapisan masyarakat dan tidak hanya para profesional di dalam bidang IT seperti tahun-tahun sebelumnya. Ini boleh dilihat sebagai satu sokongan kepada usaha kementerian penerangan.

Persidangan dan Pameran IT terbesar tahun itu, Inet 97 daripada Internet Society dan Multimedia Asia `97, suatu forum perbincangan mengenai MSC memperlihatkan Malaysia sebagai tapak semaian yang dicari-cari oleh dunia IT selama ini.

Dengan sumber digerakkan ke arah merealisasikan Agenda Teknologi maklumat Negara, sektor teknologi maklumat di negara ini dijangka akan terus berkembang pesat pada 1998. -- BERNAMA

NI AM